

SYARAT & PERATURAN EKSPEDISI BERAKIT ANTARABANGSA SUNGAI PAHANG 27 APR – 04 MEI, 2008

KELAYAKAN

Peserta hendaklah berumur 16 tahun ke atas pada hari pendaftaran dan disahkan mempunyai tahap kesihatan yang baik bagi membolehkan mereka menyertai acara separuh lasak ini.

LALUAN & HENTIAN

Ekspedisi akan bermula pada **27/04/08** dari **Bandar Kuala Lipis** dan berakhir pada **04/05/08** di **Bandar DiRaja Pekan**, mengambil masa selama 8 hari 7 malam. Jarak perjalanan ekspedisi ini ialah lebih kurang **329 km** merentasi 6 daerah utama dalam Negeri Pahang. Sebanyak 7 buah kampung telah dikenalpasti dan dipilih sebagai tempat hentian iaitu **Kg. Jeram Landak** Daerah Lipis, **Kg. Pulau Tawar** Daerah Jerantut, **Kg. Pulau Pasir Mandi** Daerah Temerloh, **Kg. Guai** Daerah Bera, **Kg. Chenor** Daerah Maran, **Kg. Baru Salong** dan **Kg. Ganchong** Daerah Pekan. Para peserta digalakkan mengambil bahagian di dalam program yang dianjurkan oleh pihak pengurusan kampung di setiap hentian yang akan di singgahi.

PENYERTAAN

Borang penyertaan boleh didapati dari perbadanan ini (sepertimana tertera). Borang yang lengkap bersama uran penyertaan hendaklah dikembalikan kepada pihak urusetia. Penyertaan adalah terhad berdasarkan '*siapa cepat dia dapat*'. Permohonan yang lewat tidak akan diterima. **Tarikh tutup permohonan ialah pada 04 hb. April, 2008.**

YURAN PENYERTAAN

Yuran penyertaan untuk setiap pasukan (6 orang sahaja) adalah seperti berikut;

- LUAR NEGARA/ SWASTA	: RM1,700.00	- URUSETIA/ J. KUASA	: RM1,200.00
- JABATAN KERAJAAN / NGO	: RM1,400.00	- IPTA / IPTS / PELAJAR	: RM1,000.00

Setiap peserta tambahan akan dikenakan bayaran sebanyak **RM160.00** seorang, manakala **RM120.00** untuk pelajar. Semua bayaran hendaklah dibuat melalui cek dan wang pos berpaling atau *online* ke nombor: **MBB.506016105172** atas nama **TABUNG EKSPEDISI BERAKIT ANTARABANGSA SUNGAI PAHANG**. Yuran yang dikenakan meliputi perkara-perkara seperti makan dan minum sepanjang ekspedisi, sebuah rakit buluh berukuran 5'x25' berserta rangka atap, dua bilah pendayung, sebatang galah (buluh) dan sebilah kemudi, 2 helai baju (setiap seorang), topi, tuala muka, insuran perlindungan diri, bendera keselamatan, papan nama pasukan, karong plastik, tali, makanan ringan dan air minuman (setiap hari) Peserta digalakkan membawa makanan dan minuman tambahan mengikut keperluan pasukan masing masing.

PASUKAN

Setiap pasukan terdiri dari enam (6) orang ahli sahaja dengan sekurang kurangnya 5 orang (lima) di atas rakit semasa berekspedisi. Mana-mana pasukan yang ahlinya kurang dari 4 orang tidak akan dibenarkan mengambil bahagian di dalam ekspedisi ini bagi tujuan keselamatan.. Setiap pasukan juga tidak digalakkan menggantikan ahlinya semasa ekspedisi sedang berjalan kecuali atas perkara-perkara yang melibatkan kecederaan ataupun kecemasan.

PERALATAN & KEPERLUAN PASUKAN

Setiap pasukan diminta membawa peralatan kembara seperti khemah, sleeping bag, jaket keselamatan serta pakaian persendirian yang bersesuaian secukupnya seperti kasut/selipar, ubat nyamuk/agas, sun lotion, torch light, karung plastik dan lain-lain keperluan peribadi. Peserta juga digalakkan membawa peralatan tambahan lain seperti pendayung, tiub getah (tiub basikal), parang/pisau dan lain-lain yang difikirkan perlu untuk penambahbaikan dan keselesaan.

PENDAFTARAN

Setiap pasukan dikehendaki mendaftar dengan pegawai yang bertugas pada hari pendaftaran iaitu hari **Sabtu 26 April, 2008, jam 9.30 pagi – 6.30 petang** bertempat di tapak permulaan, di Tebing Sungai Jelai, Bandar Kuala Lipis, Pahang. Semua rakit akan dinomborkan dan pengagihan rakit adalah berdasarkan kepada nombor pendaftaran. Peserta tidak dibenarkan sama sekali memilih atau menukar rakit yang telah di tetapkan untuk

pasukan mereka. Sila pastikan segala peralatan yang di janjikan oleh pihak urusetia seperti baju, topi, tuala muka, air minuman, makanan ringan, bendera keselamatan (merah), tag nama, karong plastik, tali dan papan tanda pasukan ketika membuat pendaftaran.

TAKLIMAT

Satu sesi taklimat akan diadakan kepada semua ketua pasukan, petugas, pemandu bot dan petugas yang lain pada hari pendaftaran di mana masa dan tempat taklimat akan diberitahu kemudian. Kehadiran adalah **diwajibkan**. Taklimat harian juga akan di adakan di setiap hentian pada jam **9.00 malam** . Hanya pengurus dan ketua pasukan atau wakil sahaja dikehendaki hadir dalam sesi taklimat tersebut . . Sebarang masaalah yang timbul hendaklah dirujuk kepada pihak urusetia atau kepada pegawai yang berkaitan sahaja.

MAKAN & MINUM

Pihak penganjur akan menyediakan makan dan minum kepada semua peserta dan petugas bermula sarapan pagi pada pagi hari permulaan berekspedisi sehinggalah minum petang pada hari penutupan. Bekalan makanan tengahari dan minuman petang akan diagihkan dari rakit ke rakit, manakala sarapan pagi dan makan malam akan disajikan di setiap hentian secara kenduri kampung. Setiap pasukan dan petugas diminta mengambil bekalan masing-masing dari pihak urusetia pada setiap pagi sebelum memulakan ekspedisi.

HADIAH & CENDERHATI

Walaupun ekspedisi ini bukan berbentuk pertandingan, pihak penganjur akan menyediakan hadiah-hadiah dan cenderahati tertentu bagi beberapa kategori yang telah dikenalpasti seperti rakit terpantas, tercantik, pasukan paling berdisiplin, setiakawan dan lain-lain kategori bagi meningkatkan lagi semangat serta menghargai ketabahan dan keakraban para peserta. Hadiah-hadiah akan disampaikan pada Majlis Penutupan yang akan diadakan di Pekan Bandar Di Raja.

KEBERSIHAN & KESIHATAN

Peserta adalah dilarang membuang sampah terutama ke dalam sungai. Plastik sampah akan dibekalkan dan sampah-sampah yang telah di kumpulkan semasa berekspedisi hendaklah dikumpul di tempat yang di sediakan setibanya di hentian. Peserta di larang sama sekali meminum air sungai . Dapatkan tidur dan rehat secukupnya untuk perjalanan keesokan harinya.

PENGINAPAN & PENGANGKUTAN

Urusan penginapan serta pengangkutan dalam tempoh ekspedisi berlangsung adalah tanggungjawab sendiri. Walau bagaimanapun tapak perkhemahan ada disediakan di setiap hentian lengkap dengan kemudahan asas seperti tandas dan bilik mandi. Kepada pasukan yang berminat untuk tinggal di kampung - kampung 'homestay', sila berhubung dengan pihak urusetia untuk tujuan penyelarasan dan tempahan.

RAKIT & DEKORASI

Pihak penganjur hanya menyediakan sebuah rakit kosong berserta peralatan asas sepertimana di nyatakan terdahulu. Setiap pasukan dinasihatkan agar datang lebih awal untuk menghias rakit – rakit mereka. Setiap pasukan di benarkan mengiklankan logo, motto, nama organisasi dan bendera pada rakit. Mana-mana rakit yang rosak di sebabkan kelalaian peserta tidak akan diganti. Walaubagaimanapun pihak urusetia bersedia membantu mengikut kemampuan yang ada serta faktor persekitaran yang mengizinkan.

KESELAMATAN

Jaket keselamatan hendaklah sentiasa dipakai semasa berada di atas rakit. Sekiranya mana-mana peserta menghadapi masaalah atau memerlukan pertolongan, sila gunakan bendera keselamatan berwarna merah yang di bekalkan untuk mendapatkan bantuan dari pihak petugas. **Awat! pasir jerlus, batu, kayu , kabel, rumah pam pasir, dahan pokok dan tiang jambatan ada di mana-mana. Ubahkan laluan anda mengikut arahan yang di keluarkan oleh petugas keselamatan atau patuhi arahan penanda amaran yang di pasang sebelum terlambat.**

ARAHAN

Semua peserta dikehendaki mematuhi segala arahan dan peraturan yang diberikan oleh pihak petugas dan urusetia dari masa ke semasa. Hanya barang-barang yang perlu sahaja dibawa di atas rakit, manakala selebihnya hendaklah dibawa oleh anggota sokongan pasukan masing-masing yang berada di darat. Bungkus pakaian, barang-barang dan makanan dengan plastik supaya tidak basah sekiranya hujan atau rakit karam. Sebarang pertanyaan, hendaklah berhubung terus dengan pihak urusetia;

RULES AND REGULATIONS INTERNATIONAL PAHANG RIVER RAFTING EXPEDITION 2008 27 APR – 04 MAY 2008

ELIGIBILITY

Participants must be at least 16 years old on the day of the registration for the expedition and should be medically fit.

ROUTE & STOPS

The expedition starts at Kuala Lipis on Thursday 27 April, 2008 and ends at the Royal Town of Pekan on Monday 4 May 2008. Along the route there will be seven (7) stops and at each stop participants will have the chance to meet and feast (kenduri) with villagers, watch and even participate in the local cultural programmes..

SUBMISSION OF ENTRY

Application for participation should be made on official entry forms which are available from the office of the organiser, the FRASER'S HILL DEVELOPMENT CORPORATION, JKR 300, Jalan Masjid, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur, MALAYSIA (Telephones: 609 5171623/5171624 Fax No. 609 5171626). Completed entry forms with the full entry fee should reach this office **not later than 4th April, 2008**. As places for participation are limited, acceptance is based on a **'first come first served basis'**. The Organiser reserves the right to accept or refuse submissions for registration.

FEE SCHEDULE

The entry fees per team of six (6) is as follows:

1. Private Sector/International	: RM1,700.00	3. Committee	: RM1,200.00
2. Government Agencies/NGO	: RM1,400.00	4. Students	: RM 1000.00

For additional participants per team, a levy of RM160.00 per person is charged and RM120.00 for student rate. The entry fee includes the payment for a standard bamboo raft measuring 5'x25' complete with a helm, a shed frame, a pair of bamboo oars t-shirts, face towels, caps, personal insurance coverage, safety flags, signs and ropes. Although meals and snacks are provided, participants are free to bring along additional refreshments and even their own alternate light oars. Payments are by cheques/money orders/postal orders and they should be crossed and made payable to the **TABUNG EKSPEDISI BERAKIT ANTARABANGSA SUNGAI PAHANG** or payment online to **MBB.506016105172**.

THE TEAMS

Officially each team shall consist of a six (6) crew members only– five members will be on the raft at all times during the expedition whilst the sixth, shall serve as reserve. Teams with only 4 members are not allowed to take part in the expedition. The reserve will follow the expedition on land (the cost of the overland transport shall be borne by the team) and can only replace the rafting crew at identified stops or at locations permitted by the Technical Director.

TEAM REQUIREMENTS

All participants are advised to bring along adventure gear such as tents, sleeping bags, lifejackets, sufficient clothing and canvas shoes, mosquito/insect repellants, sun lotion, torch lights, disposable plastic bags and other personal needs. They may need some additional gear like oars, bicycle tyre tubes, a heavy knife and such. It is advisable that only basic essentials are brought on to the rafts to reduce weight. One's essentials should be wrapped tightly in plastic bags. In case of an emergency these essentials will not get soaked and may float.

REGISTRATION

All teams are required to register with the Organizer on Saturday 28 April 2007 from 9.30 am to 6.30pm at Tebing Sungai Jelai, Kuala Lipis. The rafts are numbered and the distribution of the rafts to participating teams will be based on the registration numbers. Participants are not allowed to choose or change their rafts. Each team will receive goodies such as T-shirts, caps, face towels, safety flags, team name, ropes, drinks, snacks and plastic bags upon registration.

BRIEFING

Team Leaders, crew members and rafters will be required to attend an expedition briefing. The time and venue will be advised during registration. There will be daily briefing at 9.00pm by the Technical Director at every stop and all team leaders are required to attend. Team leaders may discuss problems and give constructive ideas to the secretariat officials during briefing.

FOOD AND DRINKS

Food and drinks are provided during the expedition. Packed lunch and refreshments (tea breaks) will be delivered to the raft while breakfast and dinner will be served at the stops. Every team may collect drinks and snacks from the secretariat every morning before departure. Participants may bring their own additional food or drinks too.

PRIZES

Although the expedition is a non-competitive event, there will be special motivational prizes for the best decorated raft, the most disciplined team and other categories. Prizes will be presented at the finishing point in the Royal Town of Pekan.

HYGIENE AND HEALTH

Participants are not to litter the river. Plastic bags are provided for the collection of garbage to be discarded upon arrival at the stops. Please avoid consuming river water. Participants are advised to get enough sleep and rest to continue the journey for the next day.

ACCOMODATION & TRANSPORTATION

Participants may arrange for their own overnight accommodations and transport. However, the Organizer will prepare camp sites with basic amenities like toilets and bathrooms. Participants may also arrange for homestay in the village through the secretariat if so desired.

RAFT AND DECORATIONS

The participants are encourage to decorate their rafts using their creativity. Participants may display or advertise logos, mottos or organization's name on the roof frame of the raft. Participants are advised to come early for the registration as the decoration of the raft has to be done on the same day. No replacement will be made by the organizer in case of any damage to the raft because of modifications or decorations.

SAFETY

For safety, life jackets must be worn at all the times when in the water. If participants get into any safety problems or need help, they use the **red flag** to communicate with the rescue team or technical crews. A Scout Team would have mark the hazards with flags (**RED for caution / danger**) and (**GREEN for safe**). Some of the hazards that participants may encounter along the route include **tree stumps/submerged boles and boughs, stones/bedrocks, sand pump ropes/cables, bridge pillars and sandy islets. Dodge or keep** the raft some distance away from the hazards as the river current can be unpredictable.

Participants are **not** to bring their valuables. The Organizer will not be responsible for any theft or loss during the Expedition

INSTRUCTION

Participants are to obey all instructions given by the technical crew especially before departure and at arrivals at the stops. **FOLLOWING ALL INSTRUCTIONS WILL ENSURE THE SMOOTH OPERATION OF THE EXPEDITION.**

**PERBADANAN KEMAJUAN BUKIT FRASER,
BANGUNAN JKR 300. JALAN MASJID,25000 KUANTAN, PAHANG.
TEL: 09 – 517 1623, 517 1624 FAX: 09 – 517 1626
E-mail; pkbfb@streamyx.com / pkbfb@tmnet.com.my / pkbfb2006@yahoo.com
Website : <http://www.pahangtourism.org.my> , <http://www.pkbfb.org.my>**